

16/10/1997

JPH Terengganu bergiat cegah penyakit kuku dan mulut

Amir Radzuanuddin

SUNTIKAN pelalian dan pendaftaran lembu giat dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) Terengganu untuk mengawal penyakit kuku dan mulut.

Operasi itu, yang berjalan sejak Jun lalu, meliputi daerah Besut, Setiu, Hulu Terengganu, Marang dan Kuala Terengganu manakala bagi daerah Dungun dan Kemaman operasi dibuat bergantung kepada keadaan kerana kedua-dua daerah itu jauh dari punca jangkitan iaitu Kelantan.

Sejak amaran dibuat dan diikuti oleh langkah pencegahan, tiada kes yang dilaporkan mulai Jun lalu sehingga sekarang tetapi langkah berjaga-jaga tetap berterusan kerana 'mencegah lebih baik daripada mengubati'.

Operasi dijalankan dengan sekumpulan kakitangan JPH menaiki kenderaan pacuan empat roda dari kampung ke kampung memberi penerangan melalui pembesar suara untuk memaklumkan berkenaan jangkitan penyakit kuku dan mulut dan mengumumkan tarikh untuk pelalian dan pendaftaran haiwan ternakan lembu dan kerbau.

Pada hari yang ditetapkan, penternak bersedia menunggu ketibaan pegawai JPH untuk suntikan pelalian dan urusan pendaftaran.

Segala urusan dilakukan pada sebelah pagi iaitu dari jam 8.30 hingga 11. Kelewatan hingga ke petang tidak sesuai kerana ubat pelalian dikhuatiri menimbulkan kesan sampingan akibat haiwan kesejukan pada sebelah malam.

Pembantu veteriner bahagian suntikan pelalian Mahathir Bakar, 37, berkata jabatan menyediakan vaksin FMD (Food And Mouth Disease) untuk tujuan pelalain. Suntikan dilakukan dibahagian leher haiwan dan ini memberikan kesakitan sementara kepada haiwan itu.

Jabatan mengarahkan penternak supaya membuat tempat khas berupa kandang yang mengikut saiz badan ternakan, supaya mudah untuk disuntik, dan menghalang ternakan daripada meronta.

"Ketiadaan kandang khas boleh membahayakan keselamatan, bukan sahaja kakitangan JPH, juga ternakan itu sendiri yang boleh tercedera hingga membawa maut," katanya.

Beliau yang terlatih di bidang ini tidak menghadapi masalah dalam situasi berkenaan kerana setiap langkah keselamatan sudah diambil. Lagipun setiap ternakan cuma mendapat sekali sahaja pelalian untuk sakit kuku dan mulut.

Seiring suntikan, pembantu veteriner bahagian pendaftaran, Abdul Aziz Mamat, 41, membuat pendaftaran ternakan iaitu dengan menggunakan peralatan berupa kacip untuk menindik teliga kanan ternakan.

Segala maklumat mengenai ternakan iaitu nombor kod negeri, daerah, mukim dan juga bilangan ada tercatat di situ. Nombor yang terlekat di telinga tidak boleh dilupuskan dan jika berlaku kehilangan, serangan penyakit dan kematian iannya boleh dirujuk.

Menurut Aziz, rekod pendaftaran itu sentiasa dikemaskini kerana berlaku banyak pergerakan didalam ternakan seperti penyembelihan atau dipindah ke negeri lain. Penyemakan rekod juga dapat membendung dan mengenal pasti mana-mana ternakan yang ada mempunyai penyakit berbahaya seperti penyakit kuku dan mulut, dan selepas dikenal pasti barulah mudah untuk dikuarantinkan untuk tujuan pengawalan penyakit.

Jabatan mengenakan bayaran sebanyak RM2 untuk proses rekod dan pendaftaran, dan buat masa sekarang tidak ada sungutan daripada penternak tentang bayaran tersebut, lebih-lebih lagi suntikan adalah percuma dan pendaftaran dibuat serentak dengan suntikan.

Penternak lembu dari Kampung Beladau Selat, Mohammad Abdul Rahman, 27, berkata, berkata beliau sentiasa mendengar nasihat yang diberi oleh jabatan berkaitan suntikan dan juga pendaftaran, kerana semua itu untuk kebaikan kepada penternak dan masyarakat.

Menurut beliau, pekerjaannya sekarang adalah hasil dari warisan ayahnya yang juga penternak. Sejak kecil lagi beliau menolong ayahnya menggembala lembu dan pada setiap masa mesti ada lima ekor lembu yang ditenak, untuk penyembelihan dan juga susu.

Sepanjang beliau menjadi penternak, belum pernah binatang ternakannya dihidapi penyakit haiwan kerana beliau sentiasa prihatin mengenai ternakannya di samping sentiasa berhubung baik dengan JPH.

Mohamad juga berkata, beliau dapat meningkatkan hasil ternakannya dengan menternak lembu baka fetalin yang diimport dari luar negeri hasil dari cadangan jabatan.

(END)